

kosmo 9/11/2009

5 Geng PCCO Boy ditembak mati

SHAH ALAM – Polis menembak mati lima penjenayah kumpulan PCO Boy yang bergiat aktif dalam jenayah samun bersenjata dan rompakan sekitar Lembah Klang dalam kejadian berbalas tembakan selama kira-kira 20 minit di Persiaran Sungai Keramat, Batu 4, Jalan Kapar, Klang semalam.

Dalam kejadian bermula pada pukul 12.30 tengah malam, sepasukan anggota polis sedang melakukan operasi cegah jenayah di kawasan berkenaan sebelum terserempak dengan sebuah kereta dalam keadaan mencurigakan.


Polis kemudian mengarahkan pemandu kereta jenis Perodua Kelisa memberhentikan kenderaan tersebut sebaliknya kumpulan itu enggan berbuat demikian.

Pemandu kereta tersebut kemudian berundur dengan laju dan dalam masa sama salah seorang suspek lain turut melepaskan tembakan ke arah polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Hasnan Hassan berkata, anggotanya terpaksa melepaskan tembakan bagi mempertahankan diri sehingga menyebabkan kenderaan sus-

Lokasi kejadian lima anggota Geng PCO Boy dikejar dan ditembak mati

A = kereta polis B = kereta suspek



pek hilang kawalan.

“Akibatnya, kereta yang diundur laju tersebut melanggar pagar longkang dan tersangkut di pagar berkenaan,” kata beliau di sini semalam.

Menurut beliau, kelima-lima suspek keturunan India berumur lingkungan 20-an dan 30-an mati di tempat kejadian dan hasil pemeriksaan ke atas kenderaan dinaiki suspek, polis menemui sepucuk pistol semi automatik jenis Remington .4 de-

ngan tiga butir peluru, lima pangsang dan pedang samurai.

Katanya, kesemua suspek itu dipercayai dalam perjalanan untuk melakukan samun di kawasan berhampiran.

Mengulas lanjut, Hasnan memberitahu, hasil siasatan awal, pihaknya mendapati salah seorang suspek yang merupakan suspek utama kumpulan itu memiliki 13 rekod jenayah membabitkan kes samun.

Malah, suspek ter-

Info Geng PCO Boy ditembak mati

- Kenderaan polis yang meronda di belakang kedai. Persiaran Sungai Keramat, Batu 4, Jalan Kapar, Klang terserempak dengan kereta Perodua Kelisa dinaiki lima lelaki.
- Polis menyekat kenderaan itu dan memperkenalkan diri tetapi pemandu kereta Kelisa itu terus menekan miryak dan mengundurkan kereta sehingga nyaris melanggar anggota polis di belakang kereta tersebut.
- Suspek melepaskan satu das tembakan ke arah polis sebelum terus melarikan diri.
- Polis mengejar kereta itu sejauh kira-kira 50 meter sehingga ke depan kedai.
- Kereta suspek yang masih dipandu secara mengundur kemudian tersangkut pada besi longkang menyebabkan ia tidak boleh bergerak.
- Kejadian berbalas tembak berlaku antara polis dengan suspek menyebabkan kelima-lima suspek mati.
- Polis percaya dengan tumpasnya kumpulan itu, kira-kira 10 kes samun dan rompakan di Lembah Klang dapat diselesaikan.

sebut pernah dimasukkan ke Pusat Tahanan Simpang Renggam, Johor dan turut termasuk dalam senarai orang yang dikehendaki polis.

Kesemua mayat suspek di hantar ke Rumah Mayat Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) untuk dibedah siasat.

Katanya, polis sedang memburu saki-baki ahli kumpulan tersebut.



ANGGOTA polis memeriksa kereta Kelisa yang dinaiki lima penjenayah yang terbabas sebelum mereka ditembak mati.



BEBERAPA senjata yang ditemui dalam kereta yang dinaiki lima penjenayah yang ditembak mati di Klang semalam.